



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[GUIDE TO ACCEPTING HIYAL-BASED CONTRACTS IN MALAYSIA ISLAMIC BANKING: AN EVALUATION]

PANDUAN PENERIMAAN KONTRAK YANG BERASASKAN HIYAL DI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA: SATU PENILAIAN

MUHAMMAD IZZUL SYAHMI ZULKEPLI^{1*}
MOHAMMAD TAQI UDDIN MOHAMAD²
MOHD ANUAR RAMLI³

¹ Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Syariah & Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

² Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Syariah & Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

³ Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author: izzulsyahmi95@gmail.com

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

Abstract

Hiyal is a hidden approach in order to achieve certain goals. This legal device is still debated among Muslim scholars. Some of them are more likely to allow it, while others do not. Nonetheless, Islamic contracts that consist of hiyal, such as tawarruq have been attaining attraction especially in the Islamic banking industry in Malaysia. It is offered widely through various Islamic banking products based on a specific guideline aimed at preserving the reputation and performance of Malaysian Islamic banking. Therefore, this study will examine hiyal concept from the fiqh perspective and the guidance of accepting hiyal contracts, particularly tawarruq-based deposit product offering at the Malaysian Islamic banking. To collect data, researchers utilised the library studies and field studies (interview). Library studies apply the method of documentation by referring to the hiyal discussion among Muslim scholars as well as the product disclosure sheet and the BNM tawarruq policy document. Meanwhile, the field studies employed the interview method which involve several informants among Shariah experts / muamalat and Shariah executives in Malaysian Islamic banking. The qualitative data were subsequently analysed using content analysis method descriptively. Research finding implies that although tawarruq contracts with hiyal elements were widely offered through Malaysian Islamic banking products, their acceptance took into account several guidelines, namely hiyal views from the perspective of fiqh, hiyal parameters, and BNM tawarruq policy document.

Keywords: *Maslahah, Murabahah, Shariah Risk Control, Maqasid Shariah, Legal Trick.*

Abstrak

Ḥiyal merupakan satu pendekatan yang tersembunyi bagi mencapai satu matlamat khusus. Dalam perbahasan fiqh, fuqaha berbeza pandangan terhadap elemen ḥiyal. Sebahagian mereka lebih cenderung mengharuskan aplikasi elemen ini, demikian juga sebahagian lain tidak mengharuskannya. Namun begitu, kontrak yang mengandungi ḥiyal meraih penerimaan yang memberansangkan terutama dalam industri perbankan Islam di Malaysia, umpamanya dalam kontrak tawarruq. Ia ditawarkan secara meluas menerusi pelbagai produk perbankan Islam dengan berasaskan panduan khusus yang bertujuan untuk memelihara reputasi dan prestasi perbankan Islam Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti konsep ḥiyal dari sudut fiqh dan panduan penerimaan kontrak yang mempunyai elemen ḥiyal, khususnya kontrak tawarruq dalam penawaran produk deposit di perbankan Islam Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan dan lapangan (temubual) bagi mengumpulkan data. Kajian kepustakaan mengaplikasikan metode dokumentasi dengan merujuk kepada perbahasan ḥiyal dalam kalangan fuqaha di samping lembaran pendedahan produk serta dokumen polisi tawarruq BNM. Manakala kajian lapangan menggunakan metode temubual yang melibatkan informan dalam kalangan pakar Syariah/muamalat dan eksekutif Syariah di perbankan Islam Malaysia. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara deskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati meskipun kontrak tawarruq yang mempunyai elemen ḥiyal ditawarkan secara meluas melalui produk perbankan Islam Malaysia, penerimaannya mengambil kira beberapa panduan iaitu perbincangan ḥiyal dari perspektif fiqh, parameter ḥiyal dan dokumen polisi tawarruq BNM.

Kata kunci: Maṣlahah, Murabahah, Kawalan Risiko Syariah, Maqasid Syariah, Helah.

Cite as: Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Taqiuddin Mohamad & Mohd Anuar Ramli . 2020. Panduan Penerimaan Kontrak yang Berasaskan Ḥiyal di Perbankan Islam Malaysia: Satu Penilaian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 141-152.

PENGENALAN

Konsep ḥiyal telah dibahaskan secara terperinci oleh fuqaha. Mereka membahagikan ḥiyal sama ada berbentuk mash'rūah atau ghayr mash'rūah. Penelitian yang dilakukan menunjukkan wujudnya penerimaan yang berbeza dalam kalangan fuqaha berhubung aplikasi kontrak yang mempunyai elemen ḥiyal disebabkan penggunaan kaedah penentuan hukum yang berbeza. Khususnya di Malaysia, kontrak-kontrak tersebut diterima baik kerana mengambil kira keperluan dan kekangan yang dihadapi oleh sektor perbankan Islam Malaysia kini. Meskipun wujud perbezaan pandangan oleh sebahagian pihak, penggunaannya di Malaysia dibatasi melalui beberapa panduan khusus yang bertujuan untuk memastikan aktiviti perbankan Islam selari dengan tuntutan Syarak, di samping memelihara kelangsungan operasi perbankan Islam Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini menfokuskan terhadap penilaian kontrak yang berasaskan ḥiyal di perbankan Islam di Malaysia.

KONSEP HIYAL DARI PERSPEKTIF FIQH

Dari segi bahasa, hiyal berasal dari perkataan majmuk bahasa Arab iaitu ḥilah. Ia bermaksud tipu helah atau kebijaksanaan dan kemampuan dalam mengurus sesuatu perkara; pendekatan yang bijaksana dalam memalingkan sesuatu daripada zahirnya untuk mencapai sesuatu maksud; dan tipu daya (al-Mu‘jam al-Wasīṭ, 2004).

Dari segi istilah pula, perkataan hiyal membawa dua konotasi yang berbeza iaitu positif dan negatif. Menerusi konotasi positif, hiyal merujuk kepada kebijaksanaan seseorang dalam mencari jalan penyelesaian bagi mencapai matlamat khusus yang tidak bertentangan dengan Syarak atau dinamakan sebagai hiyal mashrū‘ah (Ibn Nujaym, 1983). Misalnya, bentuk ḥilah yang disebutkan dalam surah al-Nisā’, iaitu:

إِلَّا الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانَ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا

(Al-Nisā’: 198)

Terjemahan: Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari ḥilah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah).

Melalui ayat tersebut, Allah melonggarkan dan mengecualikan tuntutan kepada mereka yang tidak berupaya untuk mencari ḥilah melakukan hijrah ke Madinah. Mereka tidak dianggap sebahagian daripada golongan yang akan diseksa oleh Allah pada hari kiamat seperti yang digambarkan menerusi ayat sebelumnya (Sayyid Quṭb, 1992). Penggunaan perkataan ḥilah pada ayat ini merujuk kepada arahan Allah kepada umat Islam untuk berhijrah ke Madinah. Hal ini bertujuan untuk menghindari perbuatan penindasan oleh kelompok kafir yang berada di Mekah ke atas mereka.

Pengertian hiyal dari sudut negatif pula ialah melakukan sesuatu amalan tersembunyi yang harus pada zahirnya bagi mencapai tujuan yang haram. Ia merupakan tipu daya bagi mengharuskan perkara yang telah diharamkan, menggugurkan sesuatu kewajipan, menghilangkan sesuatu hak dan selainnya atau disebutkan sebagai hiyal ghayr mashrū‘ah (Ibn Qudāmah, 1968). Misalnya dalam surah al-A‘rāf, Allah SWT berfirman:

وَاسْأَلْهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ نَبْلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ١٦٣

(Al-A‘rāf: 163)

Terjemahan: (Wahai Muhammad) Dan tanyakanlah kepada kaum Israil tentang negeri yang terletak berdekatan dengan laut ketika mereka melanggar aturan pada hari Sabtu, di waktu datang kepada mereka ikan-ikan (yang berada di sekitar) mereka terapung-apung di permukaan air, dan di hari-hari yang bukan Sabtu, ikan-ikan itu tidak datang kepada mereka. Demikianlah Kami menguji mereka disebabkan mereka berlaku fasik.

Menerusi ayat di atas, Allah mencerca golongan Yahudi yang melakukan perbuatan berunsur *hīlah ghayr mashrūah*, iaitu meletakkan pukot di laut pada hari Jumaat dan mengangkatnya semula pada hari Sabtu, sedangkan Allah telah melarang sebarang aktiviti penangkapan ikan pada hari Sabtu. Sayyid Qutb (1992) menjelaskan bahawa Allah menegaskan larangan tersebut bertujuan untuk menguji kaum Yahudi yang sukar untuk melawan godaan nafsu mereka dengan ujian tersebut sebagai pengajaran kepada umat manusia pada masa akan datang.

Fuqaha berbeza pandangan terhadap aplikasi *hīyal*. Mereka tidak bersepakat kepada satu pandangan sama ada mengharuskan atau tidak mengharuskannya. Namun secara asas, mereka bersepakat kepada status *hīyal mashrū'ah* dan *hīyal ghayr mashrū'ah* atau *muḥarramah*. Umumnya, *hīyal* merupakan satu jalan tersembunyi bagi mencapai matlamat. Matlamat yang ingin dicapai boleh menjadi sesuatu yang diharuskan atau tidak diharuskan.

Ringkasnya, penelitian yang dijalankan menunjukkan fuqaha mazhab Maliki dan Hanbali tegas terhadap penerimaan kontrak yang mempunyai elemen *hīyal* (Mohamed Fairouz et al., 2010). Ketegasan tersebut dapat diteliti melalui beberapa situasi. Umpamanya penerimaan kontrak *bay' al-'inah* yang terkandung elemen *hīyal*, iaitu matlamat kontrak jual beli yang tidak terletak pada aset pendasar kontrak, sebaliknya terletak pada keuntungan daripada hasil jualan semula aset tersebut kepada penjual asal. Kontrak ini didakwa sebagai satu bentuk *hīlah* kepada *riba*, iaitu kontrak pinjaman yang berasaskan faedah, atau kontrak pinjaman yang mempunyai manfaat.

Asas pandangan tersebut bertunjangkan kepada satu kaedah hukum iaitu *sadd al-dharā'i'*; bermaksud menutupi jalan yang boleh membawa kepada kemaksiatan (Al-Shāṭibi, 1999). Meskipun kontrak ini memenuhi rukun jual beli, ia perlu dihalang bagi menutupi jalan menuju kemaksiatan iaitu *hīlah* kepada *riba* (Muhammad Tahir, 2011). Kesannya majoriti daripada fuqaha mazhab Maliki dan Hanbali tidak membenarkannya diaplikasi bagi menjaga ruh aktiviti muamalat yang berteraskan Syariah dan menghindari jalan yang menuju kepada maksiat (Al-Mawsū'ah, 1983).

Manakala fuqaha Hanafi dan Shafi'i lebih terbuka terhadap penerimaan kontrak yang mempunyai elemen *hīyal*. Fuqaha Hanafi cenderung melihat kontrak-kontrak tersebut sebagai satu bentuk *makahārij*, iaitu satu bentuk jalan keluar kepada sesuatu kekangan. Umpamanya kontrak *bay' al-wafā*, iaitu kontrak jual beli yang memberikan hak kepada penjual memiliki semula aset jualan apabila beliau menyerahkan semula jumlah harga asal aset kepada pembeli. Sementara itu, pembeli boleh memanfaatkan aset tersebut sehingga tuntutan tersebut dilakukan oleh penjual (Suruhanjaya Sekuriti, 2006).

Kontrak ini didakwa sebagai kontrak yang mempunyai elemen *hīlah* kepada *riba* kerana syarat pembelian semula yang dilakukan dan manfaat yang diperolehi pembeli terhadap aset dalam kontrak ini bersamaan dengan pinjaman yang berasaskan faedah (Muhammad Tahir, 2011). Namun, ia dibenarkan berpanduan 'urf masyarakat di kebanyakan tempat dan bertujuan untuk melepaskan diri daripada transaksi *riba* (Suruhanjaya Sekuriti, 2006).

Di samping itu, dalam mengharuskan penggunaan sesuatu kontrak, fuqaha Shafi'i lebih cenderung menerima sesuatu kontrak yang di aplikasi sekiranya pihak yang terlibat memenuhi keseluruhan rukun kontrak dengan jelas. Sementara niat pihak yang berkontrak tidak diambil kira terhadap kesahihan kontrak tersebut (Al-Shāfi'i, 1410). Misalnya kontrak *bay' al-'inah* yang didakwa mempunyai unsur *hīlah* kepada *riba*. Meskipun terdapat sebilangan fuqaha

mazhab seperti mazhab Maliki dan Hanbali tidak mengharuskannya, fuqaha Shafi'i mengambil pendekatan mengharuskan penggunaannya sekiranya pihak yang terlibat memenuhi rukun asas kontrak (al-Qazwīnī, 2012).

Rumusannya, fuqaha sepakat bahawa *hiyal* terbahagi kepada dua kategori. Pertama, *hiyal ghayr mashrū'ah*, iaitu satu bentuk *hiyal* yang bercanggahan dengan *maqāṣid al-Sharī'ah*. Kedua, *hiyal ghayr mashrū'ah*, iaitu bentuk *hiyal* yang menepati kehendak Syarak. Namun begitu, penelitian yang dilakukan menunjukkan fuqaha berbeza pandangan terhadap penerimaan *hiyal mashrū'ah* disebabkan perbezaan penggunaan indikator hukum terhadap sesuatu kontrak yang mengandungi elemen *hiyal*.

ELEMEN *HIYAL* DALAM KONTRAK TAWARRUQ

Secara umumnya, terdapat beberapa petunjuk yang menjadikan sesuatu kontrak tersebut mempunyai elemen *hiyal*. Pertama, penggunaan jalan yang luar dari kebiasaan atau jalan tersembunyi bagi mencapai matlamat (Ibn Taymiyyah, 1987). Misalnya berkaitan obligasi cukai tanah. Majoriti fuqaha berpendapat bahawa jumlah cukai tanah perlu ditanggung oleh pemilik tanah jika tanahnya disewakan kepada penyewa. Namun pemilik tanah tersebut menggunakan *hiyal* bagi menyelesaikan tanggungjawabnya iaitu, dengan menaikkan jumlah sewaan tanah tersebut. Dengan itu, beliau mampu melangsaikan cukai tanah yang dikenakan ke atasnya. Antara contoh lain ialah pemilik rumah bimbang sekiranya penyewa rumahnya menamatkan kontrak sewaan awal daripada kontrak yang dimaterai. Maka beliau menggunakan *hiyal* dengan mengenakan jumlah sewaan yang tinggi pada beberapa tahun yang awal, dan kadar sewaan yang lebih rendah pada tahun terakhir kontrak sewaan (al-Syaibānī, 1419).

Kedua, memasukkan syarat, kontrak, atau akad yang tidak dimaksudkan ke dalam sesuatu kontrak (Mohamed Fairouz et al., 2010). Contohnya kontrak *bay' al-wafā* yang diharuskan majoriti fuqaha Hanafi berikutan 'urf di kebanyakan tempat. Kontrak ini merujuk kepada satu akad jual beli yang mengandungi syarat, iaitu syarat pemulangan semula aset yang dijual kepada pembeli apabila penjual mengembalikan harga aset tersebut. Akad ini merupakan satu bentuk *hiyal* kerana lazimnya akad jual beli tidak mempunyai syarat pemulangan aset (Suruhanjaya Sekuriti, 2006). Contoh lain kontrak *al-ijārah muntahia bi al-tamlik*. Kontrak ini merujuk kepada satu kontrak sewaan yang diakhiri dengan pemilikan aset oleh penyewa sama ada bayaran terakhir dijadikan sebagai akad jual beli atau melakukan akad yang baru setelah tamat tempoh kontrak sewaan (Ashraf Zaki et al., 2016).

Ketiga, memasukkan sesuatu yang tidak digunakan atau diperlukan ke dalam kontrak (Fairouz et al., 2010). Misalnya, kontrak *bay' al-'inah*. Kontrak ini merujuk kepada satu kontrak yang melibatkan jualan dan belian semula aset oleh penjual. Menerusi kontrak *bay' al-'inah*, aset jualan dijual secara tunai dan dibeli semula secara tangguh dengan harga yang lebih tinggi dari harga jualan. Aset yang mendasari kontrak merupakan satu bentuk *hiyal* bagi mendapatkan tunai oleh pembeli aset, dan mendapatkan keuntungan bagi penjual aset. Hal ini sama seperti kontrak *tawarruq* yang menjadi fokus perbincangan ini (Shofian dan Samsinar, t.t).

Secara khususnya, terdapat beberapa indikator lain yang menjadi petunjuk bahawa wujudnya unsur *hiyal* menerusi operasi kontrak *tawarruq* dalam penawaran produk deposit di perbankan Islam, di antaranya adalah amalan pengaturan awal. Amalan pengaturan awal (*al-munazzam*) dalam penawaran produk-produk perbankan menjadi punca utama perbezaan

pandangan fuqaha terhadap kontrak tawarruq (Izzul, Taqiuddin & Anuar, 2018). Hal ini kerana, kewujudan munazzam merupakan satu bentuk hīlah yang jelas kepada akad yang berasaskan riba. Tambahan lagi, dakwaan berkenaan pihak bank tidak membenarkan pelanggan memiliki komoditi secara fizikal bagi memelihara kitaran dan kelangsungan kontrak menimbulkan isu Syariah berkaitan hīyal terhadap amalan pengaturan awal tersebut (GIFR, 2016).

Selain itu, wujudnya kontrak tambahan iaitu wakālah. Menerusi amalan perbankan Islam semasa, transaksi tawarruq dilaksanakan oleh pihak bank yang bertindak sebagai ejen kepada pelanggan. Majoriti sarjana Syariah semasa seperti sarjana yang terlibat dengan AAOIFI membenarkan amalan ini diaplikasi (Aishah Kasmon, 2015). Hal ini disebabkan, amalan tersebut merupakan satu bentuk masalah kepada pihak pelanggan dalam melaksanakan transaksi tawarruq. Mereka tidak perlu datang ke cawangan bank berulang kali untuk melakukan akad jual dan beli berikutan amalan wakālah yang dijalankan. Namun, majoriti sarjana Syariah semasa melarang amalan dual-agency dilakukan dalam transaksi tawarruq kerana isu konflik kepentingan (conflict of interest) yang berpotensi berlaku (Izzul, Taqiuddin & Anuar, 2018).

Di samping itu, pemberian hibah diberikan sekiranya transaksi tawarruq tidak dilaksanakan seperti mana yang telah dimaterai semasa kontrak ditandatangani (Faris Ghazali, 2019). Keadaan ini berikutan terdapat kecuaiian dariapda pihak bank yang menyebabkan transaksi tawarruq tidak dilaksanakan ketika kontrak mencapai tarikh matang, seterusnya tiada hasil keuntungan daripada transaksi komoditi (Faris Ghazali, 2019). Justeru itu, pihak bank akan membayar jumlah keuntungan kepada pelanggan melalui pemberian hibah yang bersamaan dengan jumlah yang telah dimaterai dalam kontrak. Pembayaran keuntungan yang dilakukan melalui pemberian hibah merupakan satu bentuk hīlah bagi melangsaikan jumlah yang telah dimaterai dalam kontrak (Faris Ghazali, 2019).

PENAWARAN KONTRAK TAWARRUQ DALAM PRODUK DEPOSIT DI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA

Kontrak tawarruq merupakan salah satu kontrak Syariah yang penting kepada institusi perbankan Islam Malaysia. Berbanding dengan kontrak-kontrak lain yang dibenarkan oleh BNM, kontrak tawarruq lebih digemari oleh pihak perbankan Islam kerana strukturnya yang menepati citarasa masyarakat dan pihak industri perbankan Islam (Ashraf Md Hashim, 2019). Sehingga kini, kontrak tawarruq diaplikasi secara meluas melalui penawaran produk di perbankan Islam, khususnya dalam produk deposit (Izzul, Taqiuddin, Anuar, 2019).

Asasnya, penawarannya yang meluas dalam produk perbankan Islam, khususnya dalam produk deposit berpunca daripada beberapa keperluan dan kekangan. Antaranya ialah keadaan masyarakat semasa yang lebih selesa dan tertarik dengan insentif produk yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Menyoroti sejarah penubuhan institusi perbankan di Malaysia menunjukkan bahawa institusi perbankan konvensional telah bertapak di Malaysia sejak 1875 berbanding perbankan Islam yang baru ditubuhkan pada 1983 (Nazari Ismail, 2015). Keadaan ini menjelaskan lagi bahawa institusi perbankan konvensional semestinya lebih matang berbanding dengan perbankan Islam dalam sektor perbankan. Kesannya, perbankan Islam menghadapi cabaran dalam meraih perhatian masyarakat yang sudah selesa dengan produk konvensional berbanding produk perbankan Islam yang baru diperkenalkan (Othman et al.,

2017). Justeru itu, jika produk yang ditawarkan melalui perbankan Islam tidak berdaya bersaing dengan produk perbankan konvensional, pelanggan akan lebih cenderung melakukan transaksi di bank konvensional (Othman et al., 2017).

Selain itu, antara kriteria yang menarik perhatian pelanggan dalam memilih produk deposit di institusi bank adalah insentifnya dalam memberikan jaminan terhadap modal, kecairan tunai dan keuntungan secara serentak. Hal ini menjadi satu kekangan kepada perbankan Islam kerana tiada kontrak yang mampu memberikan jaminan terhadap modal, kecairan tunai dan keuntungan secara serentak melainkan hanya beberapa kontrak yang berasaskan *hilah*, umpamanya kontrak *tawarruq* yang berasaskan jual beli (Ashraf Md Hashim, 2019). Natiujahnya, kontrak *tawarruq* menjadi salah satu pilihan pelanggan kerana ia memenuhi ketiga-tiga kriteria yang pelanggan ingini iaitu modal yang dijamin oleh PIDM, pengeluaran tunai yang boleh dilakukan jika terdapat permintaan oleh pelanggan dan keuntungan yang dijamin semasa kontrak dimaterai. Hal ini berbeza dengan kontrak perkongsian seperti *muḍarabah* dan *mushārah* yang tidak dibenarkan jaminan modal dan keuntungan dilakukan. Demikian juga kontrak *qard* yang tidak dibenarkan jaminan keuntungan dilakukan meskipun jaminan terhadap modal dan kecairan tunai boleh dilaksanakan (Ashraf Md Hashim, 2019).

Di samping itu, antara punca penawaran kontrak *tawarruq* diterima baik berbanding kontrak lain adalah kefahaman dan kesedaran pelanggan terhadap kontrak berasaskan Syariah masih lagi rendah. Hal ini dapat dilihat apabila pelanggan mengambil produk deposit di perbankan, mereka cenderung melihat pulangan yang diperolehi berbanding kontrak yang mendasari produk. Justeru, kontrak *tawarruq* merupakan kontrak pilihan kerana di samping menikmati perkhidmatan simpanan wang di bank, mereka juga dapat menjana keuntungan yang tetap (Amir Fatakh, 2019).


Dalam pada itu, kontrak *tawarruq* merupakan satu bentuk *maṣlahah* terhadap penawaran produk deposit perbankan Islam (Ashraf Md Hashim, 2019). Tambahan lagi, jumlah pelanggan yang mengambil produk deposit sesebuah institusi perbankan merupakan kayu ukur kepada kestabilan operasinya. Jika bertambahnya jumlah wang deposit sesebuah bank, maka semakin meningkatlah kemampuannya dalam memberikan pembiayaan kepada pelanggan, yang mana produk pembiayaan adalah salah satu sumber yang penting kepada perbankan Islam untuk memperolehi keuntungan serta merencanakan produktiviti institusinya. Begitu juga pada keadaan sebaliknya apabila jumlah deposit wang oleh pelanggan semakin berkurang (Faris Ghazali, 2019). Disebabkan hal itu, kontrak ini ditawarkan secara meluas dalam produk deposit perbankan Islam Malaysia bagi mengekalkan keseimbangan operasi dan aktiviti perbankan Islam.

PANDUAN PENERIMAAN *ḤIYAL* DALAM KONTRAK *TAWARRUQ* DI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA

Dalam operasi perbankan Islam Malaysia, kontrak yang terkandung elemen *ḥiyal*, umpamanya kontrak *tawarruq* dianggap sebagai satu bentuk *makhārij* kepada kekangan yang dihadapi (Ashraf Md Hashim, 2019). Antaranya kekangan berkaitan ketiadaan kontrak yang mampu memenuhi ketiga-tiga kriteria pemilihan pelanggan terhadap produk deposit iaitu jaminan modal, kecairan tunai dan keuntungan secara serentak serta pemahaman masyarakat berkaitan kontrak Syariah yang masih rendah.

Meskipun begitu, penerimaan kontrak tawarruq sebagai asas produk deposit di perbankan Islam mempunyai beberapa panduan penerimaan yang dapat memastikan kontrak ini terus berada di atas landasan Syarak. Rajah 1 di bawah menunjukkan panduan penerimaan kontrak tawarruq yang terkandung elemen *hiyal* di perbankan Islam Malaysia:

Rajah 1: Panduan *Hiyal* dalam Kontrak Tawarruq di Perbankan Islam Malaysia



Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan rajah di atas, panduan penerimaan tersebut dapat dirangkumkan kepada tiga asas iaitu *hiyal* dari perspektif fiqh, parameter *hiyal* dan dokumen polisi tawarruq BNM.

1. *Hiyal* dari Perspektif Fiqh

Sepertimana perincian dalam perbincangan di atas, hasil penelitian berkaitan perbincangan fuqaha terhadap *hiyal* mendapati kesemua fuqaha mazhab Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali bersepakat dengan penggunaan istilah *hiyal mashrū'ah* dan *hiyal ghayr mashrū'ah*. Namun begitu, penerimaannya berbeza dalam kalangan fuqaha mazhab, ia bergantung kepada keterbukaan dan penerimaan mereka terhadap elemen tersebut. Umumnya, fuqaha dalam kalangan mazhab Maliki dan Hanbali tegas terhadap penerimaan kontrak yang mempunyai elemen *hiyal*, manakala fuqaha dalam kalangan mazhab Hanafi dan Shafi'i lebih terbuka berhubung penerimaan kontrak-kontrak tersebut. Khususnya di Malaysia, kontrak yang mempunyai elemen *hiyal* diterima sebagai *hiyal mashrū'ah* atau satu bentuk *makhārij*, dan ia ditawarkan secara meluas menerusi produk-produk perbankan Islam.

2. Parameter *Hiyal*

Parameter *hiyal* merujuk kepada parameter yang telah dibangunkan hasil daripada satu persidangan iaitu Muazakarah Cendekiawan Nusanatara pada 10 dan 11 November 2010 yang disertai oleh sarjana Syariah semasa. Hasil daripada muzakarah, satu parameter *hiyal* dalam kewangan Islam telah dibangunkan bertujuan untuk dijadikan

rujukan pihak-pihak yang berkaitan (Mohamed Fairouz et al., 2010). Berikut merupakan indikator yang diambil kira dalam membangunkan parameter tersebut, iaitu:

- a. *Qaṣd al-Shāri'*: Merujuk kepada sifat Syarak dan tujuannya serta maksud yang dikehendaki Syarak. Terdapat tiga pembahagian *qaṣd al-Shāri'* iaitu, *al-darūriyyat*, *al-hājiyyat* dan *al-taḥsīniyyat*.
- b. *Qaṣd al-mukallaf*: Bermaksud motif atau tujuan seseorang melakukan sesuatu kontrak. Definisi tersebut merangkumi matlamat yang tersembunyi dan ia tidak terzahir melalui lafaz yang dilakukan terhadap kontrak tersebut.
- c. *Wasā'il*: Merujuk kepada sesuatu jalan yang boleh menyampaikan kepada sesuatu matlamat *maṣlaḥah* atau *mafsadah*.
- d. *Maṣlaḥah*: Bermaksud pemeliharaan objektif Syariah, dengan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
- e. *Rukhṣah* dan *'azīmah*: Bererti kemudahan dan kelonggaran dalam sesuatu amalan. Penelitian yang dijalankan menunjukkan kontrak *tawarruq* yang digunakan sebagai asas produk deposit di perbankan Islam Malaysia menepati kelima-lima indikator tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui ringkasan di bawah:

Parameter <i>Ḥiyal</i>	Aplikasi <i>Tawarruq</i>
1. <i>Qaṣd al-Shāri'</i>	Kontrak <i>tawarruq</i> memenuhi rukun jual beli (Al-Shāfi'ī, 1410). Memandangkan produk deposit di perbankan Islam perlu diwujudkan bagi memastikan kelangsungan operasi perbankan Islam, maka kontrak <i>tawarruq</i> wajar digunakan bagi dalam memenuhi tuntutan <i>daruriyyat</i> dari segi memastikan <i>survival</i> perbankan Islam tidak tergugat dan membolehkan perbankan Islam bersaing dengan perbankan konvensional.
2. <i>Qaṣd al-Mukallaf</i>	Meskipun kontrak <i>tawarruq</i> , merupakan satu bentuk <i>ḥilah</i> , namun ia memenuhi keperluan masyarakat semasa tanpa membelakangi tuntutan Syarak atau <i>qaṣd al-Shāri'</i> (Mohamed Fairouz et al., 2010).
3. <i>Maṣlaḥah</i>	Kontrak <i>tawarruq</i> merupakan satu bentuk <i>maṣlaḥah mu'tabarāh</i> yang bersifat <i>'ammah</i> , iaitu <i>maṣlaḥah</i> terhadap penawaran produk di perbankan Islam Malaysia (Ashraf Md Hashim, 2019).
4. <i>Wasā'il</i>	Meskipun kontrak <i>tawarruq</i> tidak bermatlamatkan pemilikan aset, aplikasinya melahirkan objektif Syarak yang lain iaitu bermotifkan pemeliharaan kelangsungan institusi perbankan Islam (Mohamed Fairouz et al., 2010).
5. <i>Rukhṣah</i>	Kontrak <i>tawarruq</i> diaplikasi berasaskan kekangan dan halangan yang wujud ketika ini, yang mana ia boleh menjejaskan kestabilan institusi perbankan Islam (fauwaz Fadzil, 2019). Pihak yang terlibat secara langsung dengan industri perbankan Islam memerlukan masa dan proses yang berperingkat untuk kembali kepada kontrak yang bukan berbentuk <i>ḥiyal</i> dan mewujudkan persekitaran kewangan yang mesra dengan masyarakat Malaysia.

3. Dokumen Polisi Tawarruq BNM

Di samping perspektif fuqaha berkaitan *hiyal* dan parameter *hiyal*, antara panduan yang diambil kira terhadap penggunaan kontrak tawarruq dalam produk-produk perbankan Islam ialah dokumen polisi BNM. Dokumen polisi merupakan satu peraturan dan panduan sesuatu kontrak Syariah yang diperuntukkan oleh BNM kepada institusi perbankan Islam yang mengguna pakai kontrak tersebut menerusi penawaran produk di institusi mereka. Ia bertujuan untuk memastikan pematuhan keseluruhan operasi terhadap Syariah, seterusnya meningkatkan integriti dan kelestarian institusi kewangan Islam (BNM, 2019). Sehingga kini, di samping dokumen polisi tawarruq, terdapat 13 dokumen polisi kontrak Syariah lain yang telah diterbitkan oleh pihak BNM.

Dokumen polisi tawarruq BNM mengandungi dua bahagian utama. Pertama, bahagian keperluan Syariah, dan kedua, bahagian keperluan operasi. Dari aspek keperluan Syariah, pihak BNM telah memperuntukkan panduan berkaitan pelaksanaan ijab dan kabul, kriteria komoditi yang boleh menjadi asas kontrak, makluman dan pengenaan harga, keperluan asas dalam kontrak tawarruq, amalan *wakālah*, pelaksanaan *dual-agency*, *wa'd*, jaminan, *ibra'*, *ta'wid*, *gharāmah*, kaedah pembubaran kontrak tawarruq dan obligasi selepas selesai kontrak tawarruq. Ringkasnya, keperluan Syariah merujuk kepada keperluan yang perlu dipatuhi pihak perbankan Islam semasa menjalankan transaksi tawarruq agar keseluruhan operasinya menepati kehendak Syariah.

Sementara itu, keperluan operasi pula merujuk kepada tadbir urus dan pengawalseliaan yang bersistematik serta berstruktur, pengurusan risiko yang berkesan, pendedahan kewangan yang kukuh di samping perniagaan yang adil serta kelakuan pasaran. Keperluan tersebut diperuntukkan bertujuan melengkapkan dan mempromosikan penggunaan prinsip-prinsip Syariah yang konsisten lagi mampan.

Rumusannya, perbankan Islam Malaysia perlu mematuhi kesemua perincian yang telah diperuntukkan dalam dokumen polisi tawarruq BNM sekiranya institusinya memilih kontrak tersebut sebagai kontrak pendasar dalam penawaran produk. Dalam pada itu, keseluruhan aktiviti institusi tersebut akan diawasi oleh unit review dan audit di setiap institusi perbankan, begitu juga unit penyeliaan oleh BNM sendiri sepertimana yang telah digariskan dalam Shariah Governance Framework 2010, iaitu satu rangka kerja yang dibangunkan oleh BNM bagi memastikan keseluruhan operasi institusi perbankan Islam mematuhi kehendak Syarak.

KESIMPULAN

Fuqaha berbeza pandangan berhubung kontrak yang mempunyai elemen *hiyal*. Khususnya di Malaysia, kontrak tawarruq yang didakwa mengandungi elemen *hiyal* dtawarkan secara meluas melalui produk perbankan Islam dikelaskan sebagai *hiyal mashrū'ah* atau satu bentuk *makhārij*. Di samping itu, amalan pengaturan awal, *wakālah* dan pemberian hibah apabila transaksi tawarruq tidak dilaksanakan telah dipertimbangkan dan dikaji dari sudut kesan kepada hukum, kemaslahatan masyarakat dan institusi perbankan Islam serta realiti peredaran zaman. Penerimaan ini berasaskan kepada kekangan yang dihadapi sektor perbankan Islam masa kini. Khususnya di Malaysia, operasinya berpaksikan kepada beberapa panduan yang khusus iaitu

perbahaan hiyal dari perspektif fiqh, parameter hiyal dan dokumen polisi tawarruq BNM. Hal ini dapat memelihara kelestarian operasi perbankan Islam yang berteraskan Syariah. Justeru itu, pihak institusi perbankan Islam perlu menjalankan operasi kontrak ini dengan telus dan efisien, selari dengan panduan yang diperuntukkan bagi memelihara reputasi dan prestasi sektor perbankan Islam Malaysia.

RUJUKAN

- Abu Hatim Mahmud ibn al-Hasan al-Qazwīnī al-Ansari (2012). *Al-Ḥiyal al-Syarʿiyyah*. Madīnah: Dār al-Mirāth al-Nabāwī.
- Al-Shāfiʿi (1410). *Al-ʿUmm*. Beirut: Dar al-Maʿrifāt.
- Al-Shātibī (1999). *Al-Muwāfaqat fī Uṣūl al-Sharīʿah*. Beirut: Dar al-Maʿrifah.
- Al-Syaibānī (1419). *Al-Makhārij fī al-Ḥiyal*. Qāhirah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Amir Fatakh, (Timbalan Presiden Kanan, Perbankan Islam, United Overseas Bank (Malaysia) Bhd), dalam temubual bersama pengkaji pada 22 April 2019, jam 4:30 pm.
- Ashraf Md Hashim (Komiti Syariah, Bank Negara Malaysia), dalam temubual bersama pengkaji pada 27 Februari 2019, jam 11:30 am.
- Bank Negara Malaysia (3 Mac 2019), Tawarruq. Diambil dari <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=137&ac=767&bb=file%27>.
- Faris Ghazali (Ketua, Bahagian Risiko Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad), dalam temubual bersama pengkaji pada 4 Mac 2019, jam 10:00 am.
- Fauwaz Fadzil Noor, (Komiti Syariah, Alliance Islamic), dalam temubual dengan pengkaji pada 22 Februari 2019, jam 11:00 am.
- Global Islamic Finance Report (10 Januari 2019). Sharia Analysis of Tawarruq Based Products. Diambil dari <http://www.gifr.net>.
- Ibn Nujaym (1983). *Al-Ashbāh wa Al-Nazāʾir*. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Ibn Qudāmah (1968). *Al-Mughnī*. Beirut: Maktabah al-Qāherah.
- Ibn Taymiyyah (1987). *Al-Fatāwa al-Kubrā*. Beirut: Dar al-kutub al-ʿIlmiyyah, 1987.
- Mohamed Fairouz, Marjan, Ashraf Md Hashim, Said Bouheraoua, Lokmanulhakim, Imran (10-11 November 2010). Hiyal Dan Makharij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam. Makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Putrajaya, 10-11 November 2010), 1-31.
- Mohd Ashraf Zaki, Mahyuddin, Dasuqkhi (2016). Application of Hiyal (Legal Stratagems) on Al-Ijarah-Based Contract in Islamic Financial Institution in Malaysia. Dalam Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry. Singapura: Springer, 391-400.
- Mohd Nazari Ismail (2015), Aspek Tarbiyah dalam Sistem Kewangan Islam. Dalam Kewangan Islam: Pemikiran dan Penilaian Kontemporari, Kuala Lumpur: IKIM.
- Muhammad Izzul Syahmi dan Mohammad Taqiuddin Mohamad (2019). Analisis Hiyal dalam Produk Deposit Berasaskan Kontrak Tawarruq di Perbankan Islam Malaysia. *Online Journal Research in Islamic Studies (RIS)*, 6(1), 43-59.

- Muhammad Izzul Syahmi, Mohammad Taqiuddin Mohamad dan Mohd Anuar Ramli (2018). “Perbezaan Fatwa Dalam Produk Perbankan Islam: Analisis Terhadap Fatwa Tawarruq”, dalam Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Tahir (2011). Use of Hiyal in Islamic Finance and Shariah Legitimacy. *Journal of Islamic Business and Management*, 1(1), 70-92.
- Mujamma‘ al-Luqhah al-Arābiyyah (2004). al-Mu‘jam al-Wasīṭ cet. 4. Meşir: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Othman, A., Mat Sari, N., Alhasbshi, S.O., Mirakhor, A. (2017). History of Islamic Finance in Malaysia. Dalam Macroeconomic Policy and Islamic Finance in Malaysia. New York: Palgrave Macmillan.
- Sayyid Quṭb (1992). Tafsīr fī Zīlāl al-Quran. Beirūt: Dār al-Shurūq.
- Shofian Ahmad dan Samsinar Sulaiman (t.t). Penggunaan Ḥiyal dalam Produk Bay‘ al-‘Inah dan Bay‘ al-Tawarruq oleh Institusi Kewangan Islam di Malaysia. Isu Syariah dan Undang-undang, siri 20, 35-49.
- Siti Aishah Kasmon (2015). Analisis Penglibatan Ejen dalam Modus Operandi Tawarruq di Institusi Perbankan Islam di Malaysia. Makalah, The 2nd International Convention on Islamic Management 2015, Universiti Malaya, 1-19.
- Suruhanjaya Sekuriti (2006). Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.
- Wizārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah (1983). Al-Mawsū'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyyah ed. ke 2. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait.